



1100089054



LP 12 FPE 2 2009



1100089054

Analisis kecekapan antara insurans berkonsepkan Islam dan berkonsepkan konvensional / Fatmasarizan Yusuf.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100089054		

Lihat Sebelah

HAK MILIK  
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**ANALISIS KECEKAPAN ANTARA INSURANS BERKONSEPKAN  
ISLAM DAN BERKONSEPKAN KONVENSIONAL**

**FATMASARIZAN BINTI YUSUF**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMEPEROLEH IJAZAH  
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399A/4399B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui bibliografi yang dilampirkan.

Tarikh: 3 MEI 2009



.....  
**FATMASARIZAN BINTI YUSUF**  
**UK 13694**

## DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/4399B) is the result of my own investigation and finding, except where otherwise stated. Others sources are acknowledged by giving explicit references and bibliography is appended.

Date: 3 MEI 2009



.....  
**FATMASARIZAN BINTI YUSUF**  
**UK13694**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pn. Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid selaku penyelia kertas projek kerana beliau tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar dan panduan kepada saya daripada awal usaha merangka sehinggalah projek ini siap sepenuhnya. Kepada keluarga tercinta tanpa tiupan semangat, sokongan serta iringan doa daripada kalian terlalu sukar rasanya menempuh perjuangan ini bersendirian.

Sekalung penghargaan turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Aisyah Mohamad yang sentiasa di sisi saya dan bersedia menghulurkan bantuan dalam apa jua situasi.

Akhir sekali semoga kertas projek ini akan menjadi panduan dan rujukan, selain merupakan satu pengalaman yang cukup berharga kepada saya untuk menjalankan kajian di masa akan datang.

## ABSTRAK

Insurans adalah merupakan satu institusi yang boleh memberi jaminan dan perlindungan kepada semua orang. Berdasarkan kajian oleh Yao Shujie, Han Zhongwei dan Feng Gengu (2007) menggunakan analisis Penyampulan Data (DEA) mendapati bahawa modal manusia adalah sangat penting untuk kecekapan firma khususnya kepada para pekerja yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Manakala Yang Zijiang (2005) mendapati bahawa insurans hayat dan kesihatan rakyat Kanada beroperasi dengan cekap sepanjang tempoh pemeriksaan. Maka, objektif kajian saya ini adalah untuk mengukur kecekapan antara insurans berkonsepkan islam dan insurans berkonsepkan konvensional berasaskan kaedah DEA dengan menggunakan pembolehubah input dan output yang mana diwakili oleh perbelanjaan dan pendapatan masing-masing. Perbelanjaan adalah terdiri daripada perbelanjaan pengurusan (kos kakitangan, gaji pengarah), perbelanjaan-perbelanjaan lain (dana pemegang syer, dana am) dan tuntutan bersih perlu dibayar (kenderaan bermotor). Manakala pendapatan pula terdiri daripada premium bersih dan keuntungan atau kerugian operasi syarikat insurans. Kajian mendapati bahawa Syarikat Takaful Malaysia adalah salah satu syarikat yang cekap dalam penggunaan input dan pengeluaran outputnya selama dari tahun 2002-2006 dalam tempoh 7 tahun kajian. Selain itu, kajian turut menggunakan data primer melalui soal selidik yang dijalankan ke atas 100 orang responden di Kelantan. Hasil kajian mendapati faktor insurans yang memberikan jaminan hidup kepada diri dan keluarga, faktor latar belakang institusi insurans dan faktor perbezaan faedah menunjukkan signifikan terhadap pemilihan insurans oleh masyarakat.

## ABSTRACT

Insurance is one institution which can give guarantee and protection to all of the people. Yao Shujie, Han Zhongwei and Feng Gengu (2007) reported that human capital is the most important factor efficiency in workers skills especially in high education level. Apart from that, according study which made by Yang Zijiang (2005) also disclosed that Canadian life insurance and health operate efficiently inspection time length. In general, this study aims to gauge efficiency between insurance on Islamic concepts and conventional concepts based on DEA's method by using input and output variable which are represented by expenses and income. Expenses can be explain by the constitute management expenses (staff cost, director's salaries), other expenses (shareholder fund, general fund) and net claims incurred (motor vehicles). While for income also constitute net premium and operating gain or loss insurance company. Sarikat Takaful Malaysia the most efficient company in input and output usage from year 2002-2006 by 7 years study. On the other hand, this study also implemented the primary data through distribution of questionnaire among the residents of Kelantan. The findings show that there were some factor which influenced in insurance selection. Based on findings, the had giving life guarantee to self and family are factors most influencing insurance selection by society. Apart from that, institution insurance background and interest difference between insurance institutions also is big factor in influencing insurance selection by society.